

# SUKMALINDO erat hubungan Malaysia, Indonesia

**Kuala Terengganu:** Kejohanan Sukan Tahunan Antara Universiti Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) edisi kesembilan yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), berjaya mengeratkan hubungan atlet dari kedua-dua negara.

Seramai 174 atlet menyertai lima acara dipertandingkan sepanjang kejohanan, iaitu memanah, badminton, bola tampar, sepak takraw dan futsal.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA, Prof Dr Nik Wan Omar, berkata pengajuran kejohanan dua hari ini sejajar usaha memperkukuhkan

silaturahmi pelajar universiti di kedua-dua negara serumpun.

## **Delegasi kebudayaan**

"Kontinjen Malaysia dan Indonesia masing-masing menghantar 87 atlet untuk beraksi pada kejohanan kali ini.

"Selain acara sukan, delegasi kebudayaan dari Malaysia dan Indonesia juga membuat persembahan ketika program penutupan," katanya di sini, baru-baru ini.

Prof Nik Wan berkata, pihaknya berharap program itu mencapai objektif, selain menyumbang ke arah kesinambungan jalinan positif antara Malaysia dengan Indonesia.



**Sebahagian peserta yang menjayakan kejohanan SUKMALINDO edisi kesembilan di UniSZA.**

BERITA HARIAN 1/12/2016